

Pendekatan Dakwah Melalui Usrah kepada Golongan Lesbian

[Approach of Dakwah through Usrah to Lesbians]

BITARAVolume 3, Issue 1, 2020: 091-096
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>Nor Nazihah Awang @ Yaacob¹ & Razaleigh Muhamat @ Kawangit¹**Abstrak**

Dakwah dapat dilakukan dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Dakwah yang berkesan kepada kumpulan sasaran adalah berdasarkan metode yang bersesuaian. Oleh kerana itu pendakwah seharusnya menggunakan pelbagai pendekatan dalam dakwah supaya objektif dakwah tercapai. Homoseksual yang cenderung sesama jenis menjadi fenomena yang merebak dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada hari ini. Lesbian merujuk kepada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga perempuan homoseksual. Kesan daripada perkembangan golongan Lesbian di Malaysia menyebabkan muncul gerakan yang menuntut hak kesamarataan. Perbuatan Lesbian bukan sahaja bertentangan dengan norma masyarakat tetapi juga bertentangan dengan Islam. Oleh yang demikian pelbagai pendekatan telah digunakan oleh pelbagai pihak untuk menangani isu homoseksual ini. Di dalam artikel ini akan membincangkan tentang usrah sebagai alternatif kembali kepada agama. Melalui artikel ini juga akan menyatakan beberapa NGO yang telah menggunakan pendekatan Usrah sebagai satu wasilah dakwah untuk mendekati golongan homoseksual. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat dua Usrah yang dijalankan bersama golongan Lesbian iaitu Usrah Fitrah dan Usrah 'Iqra.

Kata Kunci

Dakwah; pendekatan; Lesbian; usrah

Abstract

Dakwah can be done in various forms and methods. Effective dakwah to target groups is based on an appropriate method. Therefore preachers should use a variety of approaches in order to objectively missionary dakwah which tends tercapai. Homoseksual same sex, a phenomenon that spread among the people in Malaysia today. Lesbian refers to women who have a sexual attraction to people of the like or also known as female homosexuality. The impact of the growth of Lesbians in Malaysia has led to a movement demanding equal rights. Lesbian act not only contrary to the norms of society but also against Islam. The variety of approaches have been used by various parties to address the issue of homosexuality. In this article will discuss the usrah alternatively return to religion. Through this article also said some NGOs that have used the usrah approach as a means of dakwah to reach out to homosexuals. This study is a qualitative content analysis of the design. The study found that there are two type usrah carried out with the Lesbian, Usrah Fitrah and Usrah 'Iqra.

Keywords:

Dakwah; approach; Lesbians; usrah

Cite This Article:

Nor Nazihah Awang @ Yaacob & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2020. Pendekatan dakwah melalui usrah kepada golongan lesbian. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 091-096.

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: raza@ukm.edu.my

Pengenalan

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin, *Manhaj* atau *minhaj* bererti jalan atau cara (Ab. Aziz Mohd Zin 2001). *Manhaj* berasal dari perkataan ‘Arab yang diambil dari kata dasar (*nahaja*) yang membawa erti jalan yang jelas dan nyata. Perkataan yang menunjukkan banyak (*Nahajat*) dan (*Nuhuj*). *Manhaj* adalah sama dengan (*minhaj*) iaitu jalan yang jelas. *Manhaj* juga ditakrifkan dengan sunnah. Dalam surah al-Ma’idah Allah berfirman surah al-Mā’idah (5:48) yang bermaksud: “..Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu Syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing).”

Dalam bahasa Inggeris *manhaj* disebut sebagai “*methodology*” yang berasal dari gabungan perkataan Yunani iaitu “*methodos*” yang beerti cara, dan “*logos*” yang beerti ilmu. Gabungan dua perkataan tersebut menjadi “*methodologi*” yang membawa maksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian (Ab. Aziz Mohd Zin 2001).

Usrah menurut Kamus Dewan bermaksud satu kumpulan yang tidak formal melibatkan aktiviti perbincangan sesuatu tajuk berkaitan agama Islam (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka 2007). Dalam *Lisān al-‘arab* Usrah bermaksud pertalian yang kuat (Ibn Manzūr 1990). Menurut Ahmad Syalabi, Usrah adalah sebuah kumpulan manusia yang berkumpul dan ikatannya sebuah keluarga hasil dari pembentukan ikatan perpaduan dan ikatan persaudaraan (*ukhuwwah Islamiyyah*). Di mana, kumpulan ini dipimpin oleh seorang individu iaitu ketua yang disebut sebagai *naqib*. Tugas *naqib* adalah mengajak ahlinya melakukan kebaikan (Ahmad Syalabi 1980).

Menurut Ya’qub Muhammad Hussin (2012), perkataan Usrah berasal dari Kalimah Bahasa Arab yang bererti keluarga. Penggunaan istilah ini pada umumnya adalah untuk menunjukkan adanya hubungan atau ikatan persaudaraan sesama manusia sama ada dalam hubungan rumahtangga, darah keturunan, suku bangsa dan puak.

Berdasarkan penulisan Hassan al-Banna dalam *Risalah Usrah* (1983), Usrah sangat perlu dibangunkan oleh orang Islam pada masa kini. Hal ini kerana Islam begitu menitikberatkan pembentukan ikatan perpaduan. Oleh yang demikian, menerusi Usrah dapat memperkukuhkan lagi ikatan perpaduan sesama Islam dan membentuk umat Islam yang dapat dicontohi oleh masyarakat lain (Nurulain Abd Rahim 2018).

Di dalam Islam perkataan “*sihāq*” atau “*musahaqah*” digunakan kepada golongan Lesbian yang melakukan aktiviti homoseksual. Menurut *Lisān al-‘Arab* perkataan “*سحق*” bermaksud *musahaqah* atau lesbian yang bermaksud perlakuan seks seorang wanita terhadap wanita yang lain sama seperti yang dilakukan oleh lelaki ketika bersetubuh dengan wanita (Ibn Manzūr 1990).

Manakala menurut Blanch Consulting, Lesbian didefinisikan sebagai seorang perempuan yang tertarik secara emosional/seksual /fizikal terhadap perempuan yang lain (Halkitis et. al 2009). Menurut John 2008 mengatakan bahawa penglibatan lesbian berlaku di pelbagai peringkat umur. Namun demikian, kebanyakan kajian mendapati bahawa permulaan hubungan ini banyak bermula ketika di usia remaja. Ini kerana, pada peringkat ini remaja paling signifikan dalam mencari perhatian, kasih sayang dan kurang matang dalam kehidupan.

Jadi dapat disimpulkan disini, Pendekatan dakwah bermaksud metode atau cara yang terdekat digunakan dalam melaksanakan dakwah sebagai kaedah untuk menarik dan

mempengaruhi sasaran supaya dapat menerima ajaran Islam yang disampaikan dan dapat mempraktikkannya. Oleh yang demikian, pendekatan dakwah dalam kajian ini adalah melalui Usrah terhadap golongan Lesbian sebagai alternatif kembali kepada ajaran Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan kaedah analisis kandungan iaitu dengan mengenal pasti sumber daripada beberapa dokumen seperti buku, tesis, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan bahan penerbitan lain. Data kajian juga dikumpulkan dan dianalisis dengan teknik analisis kandungan melalui kaedah deskriptif. Penelitian juga dilakukan melalui analisis daripada sumber-sumber yang berkait dengan usrah yang dilakukan dalam kalangan Lesbian.

Analisis Dapatan

Dalam hasil kajian di bawah akan menyatakan dua organisasi yang menjalankan usrah bersama golongan lesbian iaitu Pertubuhan Usrah Fitrah (PAFI) dan Yayasan Ihtimam Malaysia. Usrah menurut *Kamus Dewan* bermaksud satu kumpulan yang tidak formal melibatkan aktiviti perancangan sesuatu tajuk berkaitan agama Islam (*Kamus Dewan* 2018). Dalam *Lisān al-‘Arab* Usrah bermaksud pertalian yang kuat (Ibn Manẓūr 1990). Menurut Ahmad Shalabi, Usrah adalah sebuah kumpulan manusia yang berkumpul dan ikatannya sebuah keluarga hasil dari pembentukan ikatan perpaduan dan ikatan persaudaraan (ukhuwwah Islamiyyah). Di mana, kumpulan ini dipimpin oleh seorang individu iaitu ketua yang disebut sebagai naqib. Tugas naqib adalah mengajak ahlinya melakukan kebaikan (Ahmad Syalabi 1980).

Penggunaan istilah ‘usrah’ ini diperkenalkan oleh Mujaddid Islam Sheikh Hassan al – Banna. Istilah usrah ini diguna pakai kerana pendekatan dakwah Rasulullah Saw dengan menghimpunkan kelompok kecil yang bermula dari keluarga terdekat dan seterusnya masyarakat sejagat (Muhammad al Banna 2014).

Menurut Ya’qub Muhammad Hussin (2012), perkataan usrah berasal dari Kalimah Bahasa Arab yang bererti keluarga. Penggunaan istilah ini pada umumnya adalah untuk menunjukkan adanya hubungan atau ikatan persaudaraan sesama manusia sama ada dalam hubungan rumahtangga, darah keturunan, suku bangsa dan puak.

Melalui usrah yang diteruskan oleh Sheikh Hassan al-Banna di bawah gerakan Ikhwanul Muslimin, ianya merupakan salah satu kaedah pendidikan yang bertujuan untuk membentuk nilai keperibadian anggota dengan mendidik mereka secara menyeluruh dan menyentuh semua aspek dalam kehidupan. Selain itu juga, beliau telah mengasaskan pendekatan usrah yang lebih sistematik dengan menggariskan rukun-rukun usrah, iaitu *ta’aruf*, (saling mengenali), *tafahum* (saling memahami) dan *takaful* (saling menanggung beban). Usrah ini dilaksanakan dengan mengadakan pertemuan di waktu malam yang diisi dengan pelbagai program berbentuk pengisian ilmu, kerohanian dan program berbentuk fizikal, aktiviti riadah dan sebagainya (Muhammad Al Banna 2014). Justeru konsep usrah ini juga turut diketengahkan dalam komuniti Lesbian sebagai alternatif kembali kepada Islam.

Pertubuhan Usrah Fitrah

Pertubuhan Usrah Fitrah merupakan sebuah badan NGO yang bergerak bebas dengan menumpukan kepada usaha-usaha amal kebajikan dan mendapat bimbingan dan panduan daripada Majlis Agama Islam, Klang. Pertubuhan ini merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang memfokuskan dakwah kepada golongan komuniti terpinggir yang terdiri daripada HIV, Mak Nyah, Gelandangan, Pengguna Dadah, Pekerja Seks dan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender.

Pertubuhan Usrah Fitrah dicetuskan bermula dari program lawatan ke Langkawi melibatkan 44 orang kumpulan komuniti (LGBT) bersama penggerak dakwah MAIS. Pertubuhan ini secara tidak langsung membantu komuniti terpinggir yang berbentuk stigma dan *judge mental* (Noor Hafizah Harid and Norsaleha Mohd Salleh 2018). Selain itu juga kebanyakan masyarakat memandang rendah dan menghina golongan ini. Oleh kerana itu kebanyakan komuniti ini lebih memilih untuk melibatkan diri dalam komuniti mereka, khususnya di dalam media sosial untuk mengurangkan stress (Nurul Jannah Mohd Juaini et al. 2017).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh (Nurul Jannah Mohd Juaini et al, 2017) , kajian tersebut mengenai media sosial dan Lesbian di Malaysia. Peratusan penggunaan komuniti Lesbian melalui media sosial seperti *websites*, *Facebook pages*, *facebook community* dan *twitter* semakin meningkat dalam kalangan mereka bermula daripada Disember 2015 sehingga Julai 2016.

Antara program yang dilakukan oleh Usrah Fitrah adalah mengadakan usrah dalam kalangan LGBT. Di dalam usrah ini mereka diberi peluang untuk berkongsi menceritakan tentang kebesaran Allah dan juga sirah Nabawiyyah. Tujuan Usrah ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pengetahuan agama golongan komuniti ini secara individu. Ia juga dapat menambahkan pengetahuan agama dalam setiap perkongsian mereka. Selain itu juga *sharing moment* juga turut diadakan antara setiap ahli bagi berkongsi pengalaman yang positif mereka setelah berhijrah kepada kehidupan fitrah. Jelasnya, banyak cabaran yang telah dilalui mereka. Program Usrah ini juga terbukti berkesan apabila golongan komuniti yang berubah ke arah kebaikan di bawah kelolaan Pertubuhan Usrah Fitrah benar-benar menjadikan Islam sebagai cara hidup mereka. Terdapat juga dari kalangan mereka yang berusaha membawa kumpulan komuniti yang masih hidup di lorong-lorong gelap, mengamalkan cara hidup songsang mengikuti program-program yang disediakan oleh Pertubuhan Usrah Fitrah (Noor Hafizah Harid and Norsaleha Mohd Salleh 2018).

Usrah Iqra'

Program Usrah Iqra' diinisiatifkan oleh Ustaz Mohd izwan md Yusof, yang merupakan graduan ijazah dalam bidang kedoktoran dalam bidang tafsir al-Quran dan LGBT. Beliau juga merupakan Pegawai Hal Ehwa Islam di Jakim dan kini sebagai setiausaha Yayasan Ihtimam Malaysia. Usrah ini merupakan hasil inisiatif responden kajian beliau yang pada mulanya meminta agar diadakan kelas pengajian al-Quran pada November 2013. Permulaan kelas

pertama telah diadakan di Surau al-rahman, Taman Karun Mas, Balakong yang telah dihadiri 3-5 orang Lesbian (Saiful Azhar Saadon 2018).

Setelah itu, kelas tersebut telah diadakan sebulan sekali dan berterusan sehinggalah berpindah ke kediaman milik Ustaz Mohd Izwan sendiri pada penghujung 2015. Semenjak itu, penyertaan kelas ini semakin bertambah dari semasa sehingga mencapai bilangan 20 sehingga 30 orang pada satu sesi kerana lokasi yang strategik. Peserta yang hadir daripada negeri Melaka, Johor, Seremban, Shah Alam dan Damansara. Kelas ini juga pernah dihadiri peserta dari Kedah dan pantai timur seperti Terengganu. Kebanyakan peserta yang menghadiri usrah ini kerana ajakan daripada rakan yang menyertai usrah tersebut. Bermula pada tahun 2016, Usrah telah mula oleh golongan Gay seramai 4-5 orang atas ajakan daripada rakan yang hadir. Menurut Ustaz Izwan juga Usrah ini menjadi medium atau tempat bagi beliau membimbing komuniti Lesbian dalam usaha berhijrah atau mengubah kehidupan menjadi lebih baik daripada sebelum ini. Kini Usrah Iqra' dijalankan di Yayasan Ihtimam kerana lokasi yang strategik bagi memudahkan komuniti LGBT ini untuk menghadiri usrah tersebut (Saiful Azhar Saadon 2018).

Konsep pelaksanaan Usrah Iqra' adalah Pengisian usrah meliputi pengetahuan asas Islam iaitu perkara yang menjadi kandungan utama dalam dakwah. Melalui Usrah ini, golongan Lesbian diajar memahami ilmu agama termasuk membaca al-Quran, tafsir dan tajwid. Pendekatan ini membantu merawat golongan ini untuk tidak kembali kepada gejala homoseksual melalui alternatif kembali kepada agama.

Hal ini kerana menurut (Ahmad et al. 2015), antara punca yang menyumbang ke arah masalah homoseksual adalah kelemahan dalam amalan agama. Kelemahan ini juga menyebabkan kebanyakan Lesbian mewujudkan persepsi bahawa ini merupakan takdir yang telah ditetapkan oleh tuhan meneruskan perbuatan yang tidak dibenarkan dalam agama bahkan tidak berusaha untuk melawan persepsi tersebut.

Bahkan hasil daripada kajian beliau bersama golongan Lesbian 5 daripada 6 responden menyatakan mereka jarang-jarang melakukan amalan keagamaan seperti bersolat. Hal ini jelas menunjukkan salah satu faktor yang menyebabkan mereka cenderung ke arah Lesbian adalah amalan keagamaan yang bermasalah.

Menurut (Mohd Izwan Md Yusof et al. 2019), menjelaskan dalam kajiannya mengenai profil Lesbian, hampir kesemuanya mendapat pendedahan agama dalam kehidupan mereka sama ada secara langsung atau tidak. Selain itu juga, hasil dapatan beliau juga menunjukkan kesemua pelaku (100%) daripada Lesbian ini sudah khatam al-Qur'an dan pernah membaca terjemahan. Malah menurut Asafa Siraj (2012), menjelaskan dapatan menarik dalam kalangan peserta kajian muslim yang mengamalkan homoseksual. Di antaranya, mereka tenang sebagai penganut agama Islam, walaupun dalam masa yang sama adalah pengamal homoseksual. Mereka juga yakin homoseksual adalah salah di sisi Islam, namun mereka berusaha melawan hawa nafsu mereka terhadap pasangan sesama jenis. Jelas disini, walaupun agama mengutuk perbuatan homoseksual, namun komuniti Gay dan Lesbian tetap menganggap agama sebagai perkara yang penting dalam kehidupan mereka.

Kesimpulan

Pendekatan dakwah melalui Usrah ini perlu diketengahkan dalam kalangan komuniti LGBT. Hal ini kerana melalui Usrah ini komuniti Lesbian mampu untuk meluahkan pertanyaan

mengenai agama dalam medium yang betul bagi mendapatkan bimbingan kerohanian dalam kehidupan mereka. Selain itu juga, sebagai seorang pendakwah juga seharusnya mampu memahami budaya mad'u agar proses bimbingan menjadi lancar dan mad'u tertarik untuk mengikuti Usrah yang dijalankan.

Rujukan

Al-Quran

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2001. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad, M. I. et al. 2015. Faktor dan cara gaya hidup serta kemungkinan kembali pulih dalam kalangan lesbian: Satu kajian kes. *Journal of Social Sciences and Humanities* 10(1): 1-15.
- Asafa Siraj. 2012. "I don't want to taint the name of Islam: The influence of religion on the lives of Muslim lesbian." *Journal of Lesbian Studies* 16(4): 449-67.
- Halkitis, P. 2009. "The Meaning and The Manifestations of Religion and Spirituality among Lesbian, Bisexual and Transgender." *Journal Adult Development* 16(2), DOI: <https://doi.org/10.1007/s10804-009-9071-1>
- Ibn Manẓūr. 1990. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- John, W. S. 2008. *Life-Span Development*. Edisi ke-11. New York: McGraw-Hill.
- Kamus Dewan*. 2018. Edisi keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur
- Mohd Izwan Md Yusof, Muhd Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim. 2019. "Komuniti lesbian, gay dan transgender muslim tempatan dan perlakuan homoseksual." in *Golongan LGBT Dan Penyelewengan Tafsir*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 72.
- Muhammad Al-Banna. 2014. *Pemikiran Hasan al-Banna dalam Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana. Universitas Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Noor Hafizah Harid & Norsaleha Mohd Salleh. 2018. "Pertubuhan Usrah Fitrah." In *International Conference On Islamiyyat Studies*, Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor, 8, ISBN: 978-961-2122-53-1
- Nurul Jannah Mohd Juaini et al. 2017. "Social Media and Lesbians in Malaysia." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(11): 22-46.
- Nurulain Abd Rahim. 2018. *Keberkesanan Pendekatan Usrah dalam Pembentukan Akhlak di Universiti Sains Islam Malaysia*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saiful Azhar Saadon. 2018. *Laporan Parlimen*. Putrajaya. [https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JWP DR 211118.pdf](https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JWP%20DR%20211118.pdf).
- Shalabi, Ahmad. 1980. *Mawsu'at Nuzumi wa al-Hadarati al-Islamiyyah*. Mesir: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Ya'qub Muhammad Hussin. 2012. *Usrah dan Harakah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.